



Rujukan : UKM.AKA.100-1/3/5
Tarikh : 8 Mei 2023

PEKELILING AKADEMIK BIL. 12/2023

Semua Pelajar Program ASAS/pintar

Saudara/i,

PENGEDARAN KAD MASUK PEPERIKSAAN DAN JADUAL WAKTU PEPERIKSAAN
(KMJP) SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2022/2023

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, seperti saudara/i sedia maklum bahawa Peperiksaan Akhir Semester 2 Sesi Akademik 2022/2023 akan bermula pada **12 hingga 16 Jun 2023**.

2. Untuk makluman saudara/i, **pelajar adalah dikehendaki mencetak sendiri Kad Masuk dan Jadual Peperiksaan (KMJP) melalui SMPweb**. Sehubungan itu, saudara/i boleh mencetak Kad Masuk Peperiksaan dan Jadual Waktu Peperiksaan (KMJP) mulai **22 Mei 2023**.

3. Sekiranya saudara/i **tidak membuat pengesahan masuk peperiksaan, denda sebanyak RM15.00 (Ringgit Malaysia: Lima belas ringgit sahaja) akan dikenakan dan bayaran boleh dibuat melalui Portal <https://ekewangan.ukm.my/> (Pilih Bayaran Tanpa Invois)**. Kemudian emelkan salinan bukti pembayaran kepada pihak Timbalan Pengarah (Governans Akademik) Pusat Pengurusan Akademik (prasiswazah.akad@ukm.edu.my) sebelum saudara/i dibenarkan membuat cetakan KMJP melalui SMPweb. **Saudara/i diingatkan bahawa KMJP hendaklah dibawa bersama semasa menduduki peperiksaan. Pelajar yang gagal menunjukkan KMJP tidak dibenarkan menduduki peperiksaan.**

4. Saudara/i juga diingatkan agar mematuhi peraturan peperiksaan di sepanjang tempoh peperiksaan. Sebarang nota (kecuali yang dibenarkan oleh pensyarah) dan telefon bimbit adalah **DILARANG** untuk dibawa masuk ke dalam dewan peperiksaan. Sekiranya saudara/i melanggar peraturan peperiksaan, tindakan tatatertib akan diambil.

Sekian untuk perhatian dan tindakan saudara/i, terima kasih.

Yang benar,

PROFESOR MADYA DR. IRMAN BIN ABDUL RAHMAN

Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik (AKADEMIK UKM)



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459

E-mel: akad@ukm.edu.my

Web: www.ukm.my/akademik

- s.k. - Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
- Pengarah
Pusat GENIUS@Pintar Negara
- Pengarah
Pusat Teknologi Maklumat
- Pengarah
Pusat Jaminan Kualiti (Kualiti-UKM)
- Ketua
Unit Kewangan Pelajar
Jabatan Bendahari



CERTIFIED TO ISO 9001:2015

CERT. NO. QMS 01100

CERTIFIED TO ISO/IEC 27001:2013

CERT. NO. ISMS 00249

PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (AKADEMIK UKM)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia

Tel.: Tel.: +603-8911 8450/8460/8461/8458/8454/8459

E-mel: akad@ukm.edu.my

Web: www.ukm.my/akademik